



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**SOALAN LAZIM - PELAN DATA GURU
PELAN PASCABAYAR 1BESTARINET
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

10 NOVEMBER 2016

HAK MILIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PELAN PASCABAYAR 1BESTARINET

1 APAKAH PELAN PASCABAYAR 1BESTARINET GURU?

Pelan Pascabayar 1BestariNet Guru ialah pelan pascabayar 4G LTE yang akan memberikan kouta 2GB rangkaian internet bulanan LTE dan kouta 2GB data jalur lebar kepada semua guru di sekolah-sekolah penerima 1BestariNet 4G Zoom seluruh Malaysia (bagaimanapun perkhidmatan ini tidak terdapat di sekolah-sekolah OCPE, ADSL atau VSAT) bagi tujuan memudah dan mempertingkatkan pengalaman pengajaran dan pembelajaran. Pelan data ini boleh digunakan pada telefon pintar Yes 4G LTE (untuk rangkaian data LTE) dan semua peranti aktif jalur lebar Yes (untuk rangkaian data jalur lebar)

2 BOLEHKAH SAYA KE KEDAI YES UNTUK MELANGGAN PELAN PASCABAYAR 1BESTARINET GURU?

Pelan Pascabayar 1BestariNet Guru hanya disediakan untuk guru-guru sekolah 1BestariNet 4G melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan tidak terdapat dilanggan di mana-mana kedai YES.

3 APAKAH PERBEZAAN PERKHIDMATAN INI BERBANDING DENGAN APA YANG GURU-GURU KINI TERIMA DI SEKOLAH 1BESTARINET?

Menerusi **Pelan Pascabayar 1BestariNet Guru** ini, setiap guru (sekolah 4G) akan diberikan pelan data dengan kouta 2GB data LTE dan kouta 2GB data jalur lebar sebulan. Pelan data ini akan menggantikan pelan data 200MB data jalur lebar percuma yang diberikan oleh YES 4G secara gunasama di sekolah buat masa kini.

4 BAGAIMANA PULA DENGAN GURU-GURU SEKOLAH BUKAN 4G CONTOH: VSAT DAN ADSL?

Tiada ada sebarang perubahan kepada perkhidmatan yang sedang mereka terima sekarang. Guru-guru ini akan tetap menerima data percuma sebanyak 200MB menerusi **Pelan Prabayar 1BestariNet Guru** sehinggalah sekolah mereka disambungkan kepada rangkaian 4G.

5**BAGAIMANAKAH SAYA DAPAT DISAMBUNGGAN KE RANGKAIAN JALUR LEBAR INI?**

Anda boleh disambungkan ke rangkaian jalur lebar ini melalui sebarang peranti YES (Dongle, Huddle, Zoom atau sebarang peranti aktif jalur lebar YES) dengan menggunakan ID 1BestariNet YES / kata laluan anda.

6**BAGAIMANAKAH SAYA DAPAT DISAMBUNGGAN KE PADA PERKHIDMATAN RANGKAIAN LTE?**

Anda boleh disambungkan kepada rangkaian LTE melalui telefon YES Altitude, setelah anda mendapat telefon yang diagihkan sebagai satu perkhidmatan 1BestariNet Fasa 2 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

7**BUAT MASA INI, SAYA BOLEH MENGGUNAKAN INTERNET DENGAN MENGGUNAKAN DONGLE SEKOLAH. APAKAH PERBEZAANNYA?**

Anda masih boleh terus menggunakan Dongle sekolah dengan cara log masuk menggunakan ID 1BestariNet dan kata laluan anda. Di bawah **Pelan Prabayar 1BestariNet Guru**, setiap guru diberikan kouta data peribadi sebanyak 2GB untuk mengakses internet, dan akses tanpa had (tanpa menggunakan kouta 2GB / bulanan) ke Frog VLE.

8**ADAKAH SAYA AKAN DIKENAKAN BAYARAN UNTUK PENGGUNAAN 2GB DATA INI?**

Tidak, pelan data dengan kouta 2GB sebulan LTE dan kouta 2GB sebulan jalur lebar disediakan secara percuma oleh KPM sebagai sebahagian daripada perkhidmatan 1BestariNet Fasa 2.

9**ADAKAH TERDAPAT APA-APA POTONGAN DARIPADA PERUNTUKAN DATA SAYA JIKA SAYA MENGAKSES VLE SAHAJA?**

Tidak. Akses kepada VLE adalah percuma tanpa had. Bagaimanapun akses kepada laman-laman web luar yang dipautkan ke dalam VLE (contohnya YouTube) akan menggunakan kouta pelan data 2GB setiap bulan.

10**APAKAH CARA UNTUK MENYEMAK PELAN PRABAYAR 1BESTARINET GURU SAYA?**

Anda boleh menyemak baki pelan data anda dengan cara log masuk ke My Account menggunakan ID 1BestariNet YES anda. Baki yang dipaparkan menunjukkan baki pelan data yang masih boleh digunakan.

11**BOLEHKAN SAYA MEMBAWA KUOTA DATA YANG TIDAK DIGUNAKAN KE BULAN SETERUSNYA?**

Tidak, Kouta data yang tidak digunakan tidak boleh dibawa ke bulan berikutnya.

12**SAYA TIDAK BOLEH LOG MASUK KE AKAUN KERANA TERLUPA KATA LALUAN, APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN?**

Hubungi pentadbir VLE sekolah anda untuk mendapatkan atau menetapkan semula kata laluan anda.

13**APAKAH CARA UNTUK MEMBOLEHKAN SAYA MENUKAR KATA LALUAN SAYA?**

Anda boleh menukar kata laluan dengan cara log masuk ke My Account: <http://selfcare.yes.my/myselfcare> dan kemudian klik pada "Personal Details". Pada tab "Profile Information" di panel sebelah tepi akan dipaparkan "Change Password".

PEMBELIAN DATA TAMBAHAN

1 BOLEHKAN SAYA MENGAKSES VLE JIKA KEHABISAN PERUNTUKAN DATA?

Ya. Akses ke VLE adalah tidak terhad di bawah **Pelan Prabayar 1BestariNet Guru**.

2 JIKA SAYA TELAH MENGGUNAKAN SEMUA DATA SAYA, APAKAH CARA UNTUK MENDAPATKAN TAMBAHAN DATA?

Anda boleh membeli lebih banyak data dengan log masuk ke My Account di: <http://selfcare.yes.my/myselfcare>. Sebagai alternatif, anda boleh membeli data tambahan dari kedai-kedai YES di seluruh negara, tetapi pastikan anda membawa bersama Kad Pengenalan untuk tujuan pengesahan.

3 BAGAIMANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN ID 1BESTARINET YES?

Jika anda guru di sekolah yang mendapat perkhidmatan 4G, anda telah pun dibekalkan dengan ID 1BestariNet. Sila dapatkan ID tersebut dari guru penyelarar Frog VLE sekolah.

4 SAYA MERUPAKAN SEORANG GURU BAHARU DAN DITUGASKAN UNTUK MENGAJAR MENGGUNAKAN FROG VLE. BAGAIMANAKAH UNTUK MENDAPATKAN ID 1BESTARINET YES ATAU AKSES KE FROG VLE?

Sila rujuk guru pentadbir Frog sekolah anda bagi mendapatkan ID baharu untuk mengakses Frog VLE. Guru pentadbir Frog perlu melaporkan kepada meja bnatuan agar maklumat itu dapat dipanjangkan kepada pengurus projek untuk memastikan peruntukan bagi pelan data guru tersebut dapat disediakan.

5

SAYA MERUPAKAN SEORANG GURU DI SEKOLAH 1BESTARINET 4G DAN SAYA SEPATUTNYA DIBERIKAN PELAN DATA GURU 2GB SEBULAN. MENGAPAKAH SAYA MASIH TIDAK MEMPUNYAI AKSES?

Rujuk guru pentadbir Frog sekolah anda untuk memastikan ID 1BestariNet anda telah didaftar di dalam sistem. Jika ya, Guru pentadbir Frog anda perlu melaporkan kepada meja bantuan agar maklumat itu dapat dipanjangkan kepada pengurus projek untuk memastikan peruntukan kepada pelan data guru dapat disediakan.

APAKAH TELEFON YES ALTITUDE?

Telefon YES Altitude ialah telefon pintar 4G LTE yang disediakan oleh YTL Communications untuk:

1. Meningkatkan Komunikasi
 - a. Dengan **Pelan Data Guru**, anda akan mendapat panggilan tanpa had serta SMS PERCUMA ke semua nombor YES. Ini bermakna anda boleh menghubungi rakan guru anda yang mempunyai Telefon Yes Altitude secara percuma.
 - b. Anda juga akan mendapat 2GB data LTE setiap bulan yang boleh digunakan dengan Telefon Yes Altitude anda.
2. Tingkatkan Pengajaran dan Pembelajaran dengan menggunakan Frog VLE
 - a. Selain daripada menggunakan Frog VLE melalui laman sesawang yang ditetapkan, guru kini boleh menggunakan Frog VLE melalui Aplikasi Frog Mobile.
3. Membolehkan anda menikmati data LTE berkelajuan tinggi melalui komputer riba atau peranti lain.
 - a. Telefon Yes Altitude membolehkan guru-guru menikmati internet LTE berkelajuan tinggi melalui komputer atau peranti lain

hanya dengan menyambungkan peranti mereka kepada data dari telefon Altitude.

Selain dari itu, guru akan berupaya untuk membeli pelan data eksklusif yang tersedia untuk Guru-guru 1BestariNet dengan kadar RM29 untuk 8GB data.

1

BAGAIMANAKAH SAYA BOLEH MENDAPAT TELEFON YES ALTITUDE SAYA?

Semua guru di sekolah-sekolah 1BestariNet 4G akan menerima telefon YES Altitude. Telefon akan diedarkan mengikut negeri-negeri. Pengedaran peranti ini akan berlangsung dari November 2016 sehingga Disember 2017.

2

BOLEHKAN SAYA MEMBUAT PANGGILAN DAN SMS KE OPERATOR LAIN DENGAN MENGGUNAKAN TELEFON YES ALTITUDE?

Ya. Walau bagaimanapun anda perlu membeli pelan **Pelan Pascabayar 1BestariNet Guru 29** berharga RM29 bagi 8GB data untuk membolehkan anda membuat panggilan dan SMS ke operator lain. Setiap panggilan dan SMS akan dikenakan caj sebanyak 9 sen/min. Untuk maklumat lanjut, sila log masuk ke [My Account](#) atau melalui aplikasi alat mudah alih MyYes4G.

DATA DAN PANGGILAN TAMBAHAN PELAN PASCABAYAR 1BESTARINET GURU 29

1

APAKAH PELAN PASCABAYAR 1BESTARINET GURU 29, DAN SIAPAKAH YANG LAYAK UNTUK MELANGGAN?

Pelan Pascabayar 1BestariNet Guru 29 adalah eksklusif sebagai pelan tambahan untuk guru-guru sekolah 4G 1BestariNet yang telah melanggan **Pelan Pascabayar 1BestariNet Guru**.

Pelan ini menyediakan data 8GB setiap bulan (6GB LTE + 2GB jalur lebar) hanya RM 29 / bulan, sebagai tambahan kepada 2GB LTE dan 2GB jalur lebar data percuma dalam Pelan Data 1BestariNet Guru.

Pelan ini juga membolehkan anda membuat panggilan telefon dan SMS ke rangkaian lain. Panggilan dan SMS akan dikenakan caj sebanyak 9 sen / min.

2

DIMANAKAH BOLEH SAYA DAPATKAN PELAN TAMBAHAN INI?

Anda boleh membelinya dengan log masuk ke [My Account](#) menggunakan ID 1BestariNet Yes anda, dan kemudian klik pada butang "Upgrade Now" pada skrin Account Overview. Sebagai alternatif, lawati kami di mana-mana kedai YES, pastikan anda membawa bersama Kad Pengenalan untuk pengesahan pantas sebelum anda membelinya!

3

ADAKAH TERDAPAT HAD KREDIT PADA PELAN PASCABAYAR 1BESTARINET GURU 29?

Ya. Pelan ini terikat dengan had kredit berdasarkan jumlah tertunggak yang dibenarkan, sebelum ia disekat daripada akses Internet, panggilan keluar dan SMS.

4

APA YANG AKAN BERLAKU JIKA SAYA GAGAL MEMBAYAR BIL SEBELUM TARIKH AKHIR?

Akaun anda akan disekat dan anda tidak akan dapat membuat panggilan telefon, menghantar SMS atau mengakses data tambahan sehingga bayaran dibuat.

Walau bagaimanapun, anda masih boleh mengakses Pelan 1BestariNet Guru anda. Anda juga masih boleh membuat panggilan suara ke nombor YES lain dan mengakses data bulanan percuma 2GB LTE + 2GB Jalur lebar

5

ADAKAH SAYA MASIH BOLEH MENGAKSES VLE JIKA PELAN ATAU TALIAN SAYA DISEKAT?

Ya. Akses VLE adalah tanpa had di bawah **Pelan Pascabayar 1BestariNet Guru** dan **Pelan Pascabayar 1BestariNet Guru 29**.

DATA TAMBAHAN

APAKAH DATA TAMBAHAN?

Data Tambahan adalah pelan data yang membolehkan anda menambah lebih banyak data kepada kuota data bulanan untuk menikmati pengalaman dalam talian yang berterusan pada kelajuan 4G. **Data tambahan sah sehingga tarikh akhir kitaran bil.**

1

DI MANAKAH BOLEH SAYA DAPATKAN PELAN TAMBAHAN INI?

Anda boleh membelinya dengan log masuk ke [My Account](#) menggunakan ID 1BestariNet YES anda, dan kemudian klik pada butang "Upgrade Now" pada skrin "Account Overview". Sebagai alternatif, lawati kami di mana-mana kedai YES. ID 1BestariNet YES diperlukan untuk pengesahan pantas sebelum pembelian!

TETAPAN TELEFON YES ALTITUDE

1

**SAYA BARU MENDAPAT TELEFON YES ALTITUDE.
BAGAIMANAKAH UNTUK MENETAPKANNYA?**

Untuk menetapkan telefon anda, sila tonton video ini.
Anda juga boleh mengikuti langkah-langkah penetapan di sini.

2

**JIKA SAYA MEMERLUKAN BANTUAN BERKENAAN TELEFON YES
ALTITUDE, APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN?**

Semak senarai [Soalan Lazim](#) di mana semua soalan-soalan lazim berserta jawapan boleh dirujuk sebagai bantuan. Jika anda masih lagi memerlukan bantuan, hantarkan emel anda ke yescare@yes.my atau hubungi kami di 018-333 0000 (caj panggilan tempatan dikenakan).

Waktu operasi YesCare: 08:00-23:00 setiap hari (termasuk hujung minggu dan cuti umum).

3

**KEPADA SIAPAKAH PERLU SAYA LAPORKAN JIKA PERANTI
ALTITUDE SAYA HILANG/ ROSAK?**

Dalam kes di mana peranti anda rosak atau hilang, beritahu Guru Besar /Pengetua sekolah anda supaya beliau boleh melaporkan kes itu kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) untuk tindakan selanjutnya.

APLIKASI FROG MOBILE APAKAH APLIKASI FROG MOBILE?

Aplikasi Frog Mobile adalah aplikasi mudah alih Frog VLE yang memungkinkan pengalaman pengajaran dan pembelajaran yang lebih lancar untuk semua pengguna Frog VLE. Terdapat 3 Aplikasi Frog Mobile- Frog Assignments, Frog Chat dan Frog Snap.

- Frog Assignment membolehkan guru menghasilkan, memaparkan, melengkapkan dan menyemak tugas pada bila-bila masa dan di mana sahaja
- Frog Snap membolehkan anda mengambil gambar dan video dan memuat naik terus ke Frog VLE
- Frog Chat berfungsi sebagai sebuah platform untuk guru-guru di seluruh negara berkomunikasi dan bekerjasama antara satu sama lain melalui perkongsian idea, imej, bahan dan pengalaman!

1 BAGAIMANAKAH UNTUK BERMULA?

Pada peranti Yes Altitude (atau peranti Yes), layari aplikasi "Google Playstore" dan cari Frog Assignments, Frog Snap dan Frog Chat. Setelah berjaya memuat turun aplikasi-aplikasi tersebut, log masuk menggunakan ID 1Bestarinet YES dan kata laluan anda.

Klik pada butang Help pada aplikasi tersebut sekiranya anda memerlukan sebarang bantuan.

2 JIKA SAYA TIDAK BOLEH MEMUAT TURUN APLIKASI FROF ATAU MENGHADAPI SEBARANG ISU,APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN?

Hubungi Meja Bantuan yang sentiasa bersedia untuk membantu anda mengatasi masalah-masalah berkaitan Frog VLE dan sebarang pertanyaan umum. Hubungi kami di: 018-7998787 atau Emel kami di: moesupport@ytlcomms.my (7 pg - 10 pg setiap hari, Ahad - Jumaat termasuk Cuti Umum, kecuali Sabtu).

2

BAGAIMANAKAH UNTUK MENGGUNAKAN APLIKASI FROG MOBILE DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN?

Ketahui dengan lebih lanjut [di sini](#).